

# Cagamas



## CAGAMAS guna hasil bon, sukuk

**KUALA LUMPUR:** Perbadanan gadai janji nasional Cagamas Bhd akan menggunakan hasil RM1.045 bilion daripada terbitan bon dan sukuknya bagi membiayai pembelian pembiayaan rumah dan pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Cagamas dalam satu kenyataan semalam mengumumkan terbitan agregat berjumlah RM1.045 bilion, yang terdiri daripada RM345 juta Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan, RM300 juta Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan dan RM400 juta Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) tiga bulan.

"Terbitan baharu itu telah menjadikan jumlah terbitan agregat syarikat bagi tahun ini adalah sebanyak RM4.4 bilion," katanya.

Cagamas berkata ia mendapat dorongan daripada sokongan kukuh seperti yang terbukti daripada sambutan menggalakkan dengan nisbah menyeluruh akhir 2.26 kali, membolehkan syarikat itu

mengetatkan hasil IMTN daripada panduan harga awal 2.85 peratus kepada 2.78 peratus dan mencatatkan sebaran 42 mata asas berbanding Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII).

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata, ICP dan CCP diletakkan pada harga setara dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan di tambah lima mata asas atau bersamaan dengan 1.99 peratus berdasarkan penetapan KLIBOR pada tarikh penetapan harga.

"Sebaran itu adalah 19 mata asas mengatasi Bil Perbendaharaan Islam Malaysia/ Bil Perbendaharaan Malaysia," katanya.

Kertas-kertas tersebut yang akan ditebus pada nilai nominal penuh selepas kematangan, adalah obligasi tidak bercagar syarikat yang setara dengan semua obligasi tidak bercagar lain sedia ada syarikat itu. - Bernama